

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FAUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9405

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Jabatan Penjara Malaysia mempunyai perancangan untuk mengurung banduan “mak nyah” (*transgender*) dalam penjara yang berasingan dengan lelaki, supaya keselamatan mereka tidak terancam oleh banduan lelaki.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara pada 31 Oktober 2016 menunjukkan terdapat seramai 7 banduan ‘mak nyah’ (*transgender*) yang sedang ditahan dan menjalani hukuman di penjara kerana berbagai kesalahan. 4 orang daripada mereka adalah banduan sabitan dan 3 orang adalah banduan reman. Kesemua mereka telah ditahan di penjara wanita atau di bahagian wanita di sesebuah penjara. Walau bagaimanapun bagi tujuan keselamatan, banduan *transgender* berkenaan telah ditempatkan di sel yang berasingan dari banduan wanita yang lain.